

28/07/1997

Pembekal perlu kemuka memorandum

PEMBEKAL yang berminat untuk terbabit dalam keluaran kad pelbagai guna (MPC), satu daripada aplikasi perdana Koridor Raya Multimedia (MSC), perlulah mengemukakan memorandum hasrat mereka kepada Bank Negara menjelang 15 Ogos.

Ketua Jabatan Kawalan Selia Bank, Mohd Razif Abdul Kadir, berkata MSC akan menjadi gelanggang ujian bagi MPC nasional pertama di dunia, akan dikeluarkan kepada semua warga negara Malaysia. Bank Negara adalah agensi peneraju yang bertanggungjawab bagi perkembangan MPC.

"Kad pintar itu akan bertindak sebagai kad pengenalan nasional, lesen memandu, kad imigresen dan kesihatan, wang tunai elektronik, debit, ATM dan kredit," katanya pada majlis taklimat MPC di Kuala Lumpur, kelmarin.

Menerusi aplikasi itu, satu platform teknologi tunggal akan dimajukan membolehkan kerajaan dan penyedia aplikasi swasta melaksanakan penyelesaian kad pintar tanpa pertindihan usaha dan pelaburan.

Terdahulu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan Konsep Cadangan Permohonan Tender (CRFP) bagi empat daripada tujuh aplikasi perdana di MSC.

Menurut Mohd Razif bank pusat itu akan mengeluarkan piawai E-cash serta spesifikasi dan projek perintis akan dijalankan menjelang Julai tahun depan. Institusi kewangan pula akan mula memasarkannya menjelang Julai 1999.

Sementara itu, penyerahan bagi bayaran dan dan MPC kerajaan ialah pada 26 November ini.

Beliau berkata, Bank Negara akan memilih konsortium pembekal MPC pada 26 Februari, 1998 dan keputusan kontrak akan dibuat menjelang 26 Mac 1998.

Katanya, konsortium yang berjaya dikehendaki menerima beberapa syarat tertentu apabila diberi kontrak bagi E-cash serta pembayaran dan MPC kerajaan.

MPC yang dijadualkan untuk dikeluarkan bagi tujuan komersil sebelum tahun 2000, akan diperkenalkan kepada dua juta pengguna pertama dalam kawasan MSC dan Kuala Lumpur. Kad itu dijangka diuji pada Sukan Komanwel 1998. - Bernama

(END)